

PERUNDING PENYELIDIKAN DIPERLUKAN

Tajuk Penyelidikan: Analisis Landskap Penyertaan Golongan Muda di Malaysia

Tempoh Projek: 7 bulan

Tarikh Mula Dijangka: 11 Mei 2026

Tarikh Tamat Dijangka: 11 November 2026

1. Latar Belakang

Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) sedang mencari perunding untuk melaksanakan kajian bertajuk "*Analisis Landskap Penyertaan Golongan Muda di Malaysia*". Kajian ini merupakan kerjasama antara SUHAKAM dan UNICEF Malaysia, dan hasilnya dijangka menjadi garis dasar komprehensif pertama mengenai penyertaan kanak-kanak di Malaysia. Penyelidikan ini dijangka mencapai objektif berikut:

- a) Menyediakan pemetaan dan analisis menyeluruh terhadap kerangka undang-undang dan dasar sedia ada berkaitan penyertaan golongan muda di peringkat nasional dan sub-nasional.
- b) Memetakan serta memberikan gambaran keseluruhan platform utama penyertaan golongan muda termasuk platform kerajaan (secara dalam talian dan luar talian seperti kementerian, jabatan, agensi dan jawatankuasa) serta platform bukan kerajaan di peringkat nasional dan sub-nasional.
- c) Berdasarkan pemetaan dan gambaran tersebut, menjalankan analisis terhadap:
 - i. Kualiti platform penyertaan sedia ada (dalam talian dan luar talian), termasuk cabaran dan peluang.
 - ii. Keupayaan agensi dalam melaksanakan penyertaan golongan muda yang bermakna.
 - iii. Sokongan yang diperlukan daripada KPWK, SUHAKAM, UNICEF Malaysia dan/atau agensi lain untuk memperkukuh integrasi penyertaan golongan muda yang bermakna dalam institusi dan amalan mereka.
- d) Mengemukakan cadangan praktikal dari segi undang-undang, dasar dan langkah lain bagi memperkukuh integrasi penyertaan golongan muda yang inklusif, bermakna dan sistematik di Malaysia.

2. Kerjasama

Penyelidikan ini mesti dilaksanakan melalui kerjasama antara perunding antarabangsa dan tempatan, dengan perunding tempatan sebagai peneraju, serta semakan teknikal substantif dan rujukan oleh perunding antarabangsa. Kedua-dua perunding bertanggungjawab membentuk kerjasama mereka sendiri. Hanya satu cadangan dibenarkan bagi setiap kerjasama. Pembahagian peranan dan tanggungjawab yang dicadangkan boleh dirujuk dalam Terma Rujukan (ToR).

3. Kelayakan, Pengetahuan Khusus dan Pengalaman Diperlukan

Perunding mesti memenuhi kelayakan, pengetahuan khusus dan pengalaman berikut:

a) Perunding Tempatan

- Ijazah lanjutan dalam sains sosial, undang-undang, dasar awam, hak asasi manusia, pembangunan kanak-kanak atau bidang berkaitan.
- Menguasai Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia.
- Minimum 7 tahun pengalaman profesional dalam hak kanak-kanak, penyertaan kanak-kanak dan/atau golongan muda, penglibatan sivik atau analisis dasar.
- Latihan dan pengalaman yang relevan dalam memastikan perlindungan kanak-kanak (*child safeguarding*).
- Pengalaman terbukti dalam mendapatkan pandangan kanak-kanak dan golongan muda bagi tujuan membuat keputusan di Malaysia.
- Pemahaman yang kukuh tentang penyertaan bermakna dan penglibatan sivik golongan muda di Malaysia, termasuk nuansa tempatan dan budaya.

b) Perunding Antarabangsa

- Ijazah lanjutan dalam bidang berkaitan seperti di atas.
- Minimum 8 tahun pengalaman profesional kukuh dalam bidang berkaitan hak kanak-kanak dan penyertaan.
- Pengalaman dan pemahaman mendalam tentang penyertaan kanak-kanak yang bermakna termasuk piawaian, pendekatan, alat, mekanisme dan protokol perlindungan.
- Pengalaman dalam menjalankan penyelidikan pelbagai pihak berkepentingan, analisis landskap atau kajian dasar.
- Pemahaman yang baik tentang Konvensyen Hak Kanak-Kanak (CRC) dan pelaksanaannya di peringkat nasional.
- Kemahiran analisis dan penulisan yang cemerlang.
- Pengalaman berinteraksi dengan agensi kerajaan, masyarakat sivil dan/atau organisasi antarabangsa, termasuk memudah cara konsultasi.
- Keupayaan mengendalikan set data kuantitatif dan kualitatif yang besar.
- Komitmen terhadap amalan penyelidikan beretika termasuk perlindungan dan penyertaan bermakna kanak-kanak dan golongan muda.

4. Hasil Kerja (*Deliverables*)

Perunding dikehendaki menyediakan hasil berikut selaras dengan Terma Rujukan:

- a) Laporan Permulaan (*Inception Report*)
- b) Laporan Interim
- c) Laporan Akhir
- d) Bahan penyebaran termasuk laporan reka bentuk penuh, slaid pembentangan, infografik dan versi mesra kanak-kanak dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu.

Konsultasi mesti melibatkan golongan muda pada setiap peringkat kajian melalui bengkel bersemuka bagi pengesahan alat, pengumpulan dan pengesahan data. Perunding juga perlu berunding dengan pelbagai pihak berkepentingan kerajaan dan bukan kerajaan.

Perunding tempatan akan bertanggungjawab mengurus reka bentuk konsultasi, fasilitasi, perjalanan, pentadbiran, logistik dan aspek perlindungan kanak-kanak, manakala perunding antarabangsa berperanan sebagai penasihat.

5. Penghantaran Kertas Cadangan

Kertas Cadangan mesti mengandungi:

a) Cadangan Teknikal [maksimum 10 muka surat]

- Pemahaman keseluruhan terhadap tugas
- Strategi pelaksanaan termasuk:
 - Kecekapan dan keberkesanan
 - Kerangka alat, responden sasaran, perlindungan dan maklum balas
 - Mekanisme analisis data dan ketepatan maklumat

b) Sebut Harga Kewangan [maksimum 5 muka surat]

- Kecekapan kos
- Perincian bajet yang jelas
- Keselarasan dengan cadangan teknikal

c) Profil Ringkas Perunding [maksimum 3 muka surat]

- Maklumat dan kelayakan
- Curriculum Vitae
- Maklumat atau dasar perlindungan kanak-kanak (jika ada)

Matriks penilaian boleh dirujuk dalam Terma Rujukan.

Semua kertas cadangan hendaklah dihantar sebagai dokumen bersama oleh perunding tempatan dan antarabangsa kepada Pejabat Pesuruhjaya Kanak-Kanak, SUHAKAM melalui emel: occ@suhakam.org.my sebelum **24 April 2026, jam 5.00 petang (MYT)**.

Sebarang pertanyaan hendaklah dikemukakan sebelum **10 April 2026, jam 5.00 petang (MYT)** ke alamat emel: occ@suhakam.org.my.